	2	468,549	-1.5	-15.7	11,457	-5.4	-3.0	83,022	-5.0	-7.4
	3	469,298	-19.4	0.2	11,513	-5.6	0.5	81,182	-8.4	-2.2
	4	493,086	-13.3	5.1	11,452	-5.4	-0.5	80,584	-7.8	-0.7
2022										
	1 ^r	561,490	1.0	13.9	11,822	0.1	3.2	87,762	-2.2	8.9
	2 ^p	566,476	20.9	0.9	11,881	3.7	0.5	88,727	6.9	1.1

Jadual 4 : Pendapatan E-Dagang mengikut Suku Tahun
Table 4 : Income of E-Commerce by Quarterly

Tahun Year	Suku Tahun Quarter	Pendapatan Income (RM juta) (RM million)	YoY %	QoQ %
2015		398,207	-	-
2017		447,833	6.0	-
2019		675,353	22.8	-
2020		896,394	32.7	-
	1	195,877	-	-
	2	216,911	-	10.7
	3	238,183	-	9.8
	4	245,423	-	3.0
2021		1,091,437	21.8	
	1	254,636	30.0	3.8
	2	267,559	23.3	5.1
	3	278,976	17.1	4.3
	4	290,266	18.3	4.0
2022				
	1	278,191	9.3	-4.2
	2	288,167	7.7	3.6

1. PENDAHULUAN

Data dalam penerbitan ini dikumpul melalui Survei Perkhidmatan Suku Tahunan dan Survei Perdagangan Borong & Runcit Bulanan yang merangkumi subsektor seperti berikut:

- Perdagangan Borong & Runcit bermula pada suku tahun pertama 2005;
- Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Makanan & Minuman dan Penginapan bermula tahun 2009;
- Kesihatan Swasta dan Pendidikan Swasta bermula tahun 2010;
- Profesional bermula tahun 2011; dan
- Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Ejen Hartanah bermula tahun 2012.

Walau bagaimanapun, untuk tujuan penerbitan ini, data yang dilaporkan adalah bermula tahun 2012.

2. OBJEKTIF

Penerbitan ini membentangkan maklumat jumlah hasil / nilai jualan, bilangan pekerja dan gaji & upah dalam sektor perkhidmatan. Penyiasatan yang dijalankan ini adalah untuk:

- Menyediakan indikator jangka pendek sektor perkhidmatan;
- Menyediakan input dalam penyusunan Indeks Perkhidmatan Suku Tahunan;
- Menyediakan maklumat bagi penyusunan Keluaran Dalam Negeri Kasar Suku Tahunan; dan
- Membantu pihak kerajaan dan organisasi lain termasuk komuniti perniagaan dalam merancang dan membuat keputusan.

3. SKOP DAN LIPUTAN

Survei ini meliputi semua pertubuhan yang berdaftar dengan badan-badan kawal selia yang terlibat dalam perkhidmatan Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Makanan & Minuman; Profesional; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Penginapan; Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Ejen Hartanah.

Manakala, perkhidmatan Kewangan & Insurans; Pentadbiran & Khidmat Sokongan; Perundingan Pengurusan & Penyelidikan Pasaran; Pengiklanan; Penyelidikan & Pembangunan Sainifik dan Ujian Teknikal & Analisis; Profesional Lain dan Perkhidmatan Lain tidak diliputi dalam penyiasatan ini.

Indikator jangka pendek bagi pendapatan e-dagang yang dipaparkan adalah untuk mengukur prestasi semasa e-dagang di Malaysia secara suku tahun. Sumber dan liputan data yang digunakan adalah daripada survei jangka pendek Jabatan Perangkaan Malaysia.

4. KONSEP DAN DEFINISI

Klasifikasi industri adalah berasaskan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 Ver.1.0. Klasifikasi yang diguna pakai adalah selaras dengan *International Standard Industrial Classification All Economic Activities, Revision 4, United Nations Statistics Division*. Manakala, perdagangan borong dan runcit yang digunapakai dalam penerbitan ini berasaskan kepada saranan di dalam *Manual International Recommendations for Distributive Trade Statistics 2008 (IRDTs 2008)* yang diterbitkan oleh *United Nations Statistics Division*. Definisi tersebut adalah termasuk aktiviti berikut:

4.1 Perdagangan Borong & Runcit

4.1.1 Perdagangan Borong

Merujuk kepada penjualan semula (tanpa pengubahsuaian) barangan baru dan barang yang telah digunakan kepada peruncit, pengguna perindustrian, perdagangan, institusi atau profesional; atau kepada pemborong lain; atau menjual dagangan kepada orang atau syarikat berkenaan.

Pemborong selalunya memasang, memilih dan mengklasifikasikan barang dalam lot-lot besar; memecahkan muatan yang besar, membungkus semula dan membotol (kecuali bekas yang kedap udara) dan membahagi semula kepada lot-lot kecil; menyimpan, menyejuk, menghantar dan memasang barang dan juga turut serta dalam promosi jualan untuk pelanggan dan reka bentuk label.

4.1.2 Perdagangan Runcit

Merujuk kepada penjualan semula (jualan tanpa pengubahsuaian) barang baru dan terpakai kepada orang awam untuk kegunaan peribadi atau isi rumah.

4.1.3 Kenderaan Bermotor

Merujuk kepada jualan secara borong dan runcit kenderaan bermotor dan motosikal, sama ada baru atau terpakai, jualan alat-alat ganti dan aksesori kenderaan, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal termasuk mencuci, mengilap serta agen komisen.

4.2 Maklumat & Komunikasi

Merujuk kepada aktiviti penerbitan (termasuk penerbitan perisian), wayang gambar, pengeluaran video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik, aktiviti pemrograman dan penyiaran radio dan televisyen, telekomunikasi, pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti berkaitan dan aktiviti perkhidmatan maklumat.

4.3 Pengangkutan & Penyimpanan

Merujuk kepada penyediaan bagi pengangkutan penumpang atau muatan, sama ada berjadual atau tidak, melalui rel, saluran paip, jalan raya, air atau udara dan aktiviti yang berhubung kait seperti kemudahan terminal dan tempat letak kenderaan, pengendalian kargo, penyimpanan dan lain-lain. Termasuk juga penyewaan kelengkapan pengangkutan dengan pemandu atau operator dan juga perkhidmatan pos dan kurier.

4.4 Makanan & Minuman

Merujuk kepada pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan makanan dan minuman yang menyediakan hidangan atau minuman lengkap untuk penggunaan segera, sama ada di restoran tradisional, restoran layan diri atau bawa pulang, yang didirikan secara kekal atau sementara, dengan atau tanpa kemudahan tempat duduk. Hidangan yang dibekalkan untuk penggunaan segera adalah faktor yang diambil kira dan bukannya jenis kemudahan untuk menyediakan jenis hidangan tersebut.

4.5 Profesional

Merujuk kepada pertubuhan yang khusus dalam menjalankan aktiviti-aktiviti profesional, di mana ianya memerlukan tahap kepakaran dan latihan yang tinggi. Pertubuhan di sektor ini mengkhusus berasaskan kepada kepakaran serta menyediakan perkhidmatan ini kepada industri dan isi rumah. Aktiviti yang dijalankan termasuk khidmat nasihat dan perwakilan guaman; perakaunan, simpan kira-kira dan pengauditan; arkitek; kejuruteraan; juruukur; dan veterinar.

4.6 Kesihatan Swasta

Merujuk kepada pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan swasta meliputi perkhidmatan hospital dan rumah bersalin, perkhidmatan perubatan (termasuk perkhidmatan perubatan am atau pakar), perkhidmatan pergigian dan aktiviti kesihatan kemanusiaan lain seperti pusat dialisis, makmal perubatan, perkhidmatan akupunktur, perkhidmatan ahli herba dan homeopati, perkhidmatan fisioterapi & carakerja, perkhidmatan ambulan dan perubatan alternatif lain.

4.7 Pendidikan Swasta

Merujuk kepada pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan pendidikan swasta seperti pendidikan pra-sekolah, pendidikan menengah dan pendidikan tinggi. Proses utama pembelajaran adalah di dalam bilik darjah. Selain itu, terdapat juga proses pembelajaran di luar bilik darjah seperti melalui siaran televisyen, internet atau pusat sukan yang melibatkan peringkat tertentu.

4.8 Penginapan

Merujuk kepada penyediaan tempat penginapan berbayar jangka pendek sama ada dibuka kepada orang awam atau terhad kepada ahli sebuah pertubuhan tertentu. Ianya termasuk juga penyediaan tempat penginapan hotel (termasuk resort), hotel bajet / motel, hotel apartmen, chalet, dan rumah rehat / rumah tetamu / hostel / *bed & breakfast*.

4.9 Kesenian, Hiburan & Rekreasi

Merujuk kepada pelbagai aktiviti bagi memenuhi minat orang awam dalam aktiviti kebudayaan, hiburan dan rekreasi meliputi persembahan secara langsung, operasi muzium, perjudian, sukan dan rekreasi.

4.10 Ejen Hartanah

Merujuk kepada perkhidmatan ejen atas dasar bayaran atau kontrak. Perkhidmatan ini meliputi aktiviti ejen hartanah dan broker hartanah, aktiviti penilaian dan pengurusan hartanah, pentaksir aktiviti hartanah dan hartanah lain atas dasar bayaran atau kontrak lain.

Definisi Transaksi e-Dagang

Berdasarkan OECD, 2015, **transaksi e-dagang** adalah penjualan atau pembelian bagi barangan atau perkhidmatan, melalui rangkaian komputer yang telah direka untuk tujuan berkenaan. Transaksi e-dagang boleh berlaku di antara enterpris, isi rumah, individu, kerajaan dan organisasi awam atau swasta yang lain. Barangan atau perkhidmatan yang telah dipesan melalui kaedah e-dagang, namun pembayaran atau penerimaan barangan atau perkhidmatan berkenaan boleh diterima sama ada melalui *online* atau *offline*.

Transaksi e-dagang termasuk pesanan yang dibuat di laman sesawang, extranet atau *electronic data interchange* (EDI). Walau bagaimanapun, transaksi yang dibuat melalui panggilan telefon, faksimili, emel (emel yang ditaip manual) dan seumpamanya tidak dikategorikan sebagai urusan e-dagang.

5. UNIT PELAPORAN

Penyiasatan ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan **pertubuhan**. Pertubuhan ditakrifkan sebagai "satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu aktiviti, di bawah penguasaan tunggal yang sah dan beroperasi di satu lokasi fizikal". Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri yang berdasarkan aktiviti utama dan bukannya mengikut syarikat induk.

6. HASIL

Hasil merujuk kepada penerimaan yang diterima atau akan diterima untuk perkhidmatan yang diberikan dan transaksi lain yang dibuat semasa suku tahun rujukan. Ia terdiri daripada hasil operasi dan hasil bukan operasi.

Pendapatan e-dagang bermaksud jumlah pendapatan yang diperolehi oleh pertubuhan daripada transaksi e-dagang.

Pendapatan untuk pertubuhan Perdagangan Borong dan Runcit merujuk kepada nilai jualan barangan dan perkhidmatan. Nilai jualan bermaksud nilai semua barang di mana hak milik atau hak mutlak untuk penggunaan telah dipindahkan kepada orang lain dengan tujuan barang itu akan dibeli akhirnya. Nilai Perkhidmatan yang diberikan dalam tempoh laporan tanpa mengambilkira masa atau cara pembayaran dibuat.

7. NILAI JUALAN

Definisi ini terpakai kepada Perdagangan Borong dan Runcit.

Nilai jualan merujuk kepada:

- (a) nilai semua **barang** di mana hak milik atau hak mutlak untuk penggunaan telah dipindahkan kepada orang lain dengan tujuan barang itu akan dibeli akhirnya; dan
- (b) nilai **perkhidmatan** yang diberikan dalam tempoh laporan tanpa mengambil kira masa dan cara pembayaran dibuat.

Nilai jualan dalam penyiasatan ini merujuk kepada **jumlah bayaran** yang dibayar oleh pelanggan-pelanggan. Ia termasuk:

- (a) harga jualan;
- (b) caj-caj pinjaman kewangan, pengirisan dan pemasangan, jika perkhidmatan ini diberikan oleh pertubuhan yang diliputi.

8. BILANGAN PEKERJA

Jumlah pekerja termasuk semua pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif, pekerja keluarga yang tidak bergaji dan pekerja yang bekerja pada tempoh gaji terakhir bagi suku tahun rujukan. Ia juga termasuk pekerja sambilan yang di dalam daftar gaji dan orang yang mogok dan bercuti jangka pendek (cuti sakit, cuti kecemasan atau cuti rehat). Mereka yang tidak dimasukkan terdiri daripada pekerja-pekerja yang bercuti berpanjangan dan pesara.

9. GAJI & UPAH YANG DIBAYAR

Gaji & upah yang dibayar merujuk kepada pembayaran tunai, termasuk bonus, komisen, bayaran lebih masa, kos sara hidup dan elaun yang dibayar kepada semua pekerja bergaji dalam tempoh suku tahun rujukan. Manakala caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut dimasukkan, manakala caruman oleh majikan **dikecualikan**. Elaun kepada pemilik yang bekerja, rakan niaga yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji juga **dikecualikan**.

10. KUASA PERUNDANGAN

Maklumat yang dikumpul adalah mengikut peruntukan **Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)**. Seksyen 5 di bawah Akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik adalah **sulit** dan hanya angka agregat diterbitkan. Sementara itu, Seksyen 7 di bawah Akta yang sama memperuntukkan denda kepada responden yang gagal memberi kerjasama kepada penyiasatan yang dijalankan.

11. PINDAAN POLISI

- Bagi data bulanan, perubahan tertakluk kepada sumber data, semakan adalah t-1 di mana t merujuk kepada bulan semasa.
- Bagi data suku tahunan, perubahan tertakluk kepada sumber data, semakan adalah t-1 di mana t merujuk kepada suku tahun semasa.
- Bagi data tahunan, perubahan tertakluk kepada sumber data, semakan adalah t-3 di mana t merujuk kepada tahun semasa.

12. METODOLOGI

12.1 Populasi

Semua pertubuhan meliputi 324 industri (5 digit) berasaskan kod Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 Ver 1.0.

12.2 Rangka pensampelan

Berdasarkan populasi yang telah dikenal pasti, pertubuhan yang beroperasi seperti pada Disember 2019 disenaraikan sebagai rangka pensampelan.

12.3 Reka bentuk pensampelan

Reka bentuk pensampelan bagi penyiasatan ini adalah pensampelan rawak strata satu peringkat. Kategori industri di peringkat nasional telah diklasifikasikan sebagai strata manakala pertubuhan sebagai unit pensampelan.

Setiap strata (industri) telah dibentuk kepada empat sub strata untuk memastikan sampel yang diagihkan mengambil kira ciri-ciri ekonomi industri tersebut. Sub strata utama bersifat heterogen diliputi secara liputan penuh. Manakala, sub strata selainnya bersifat homogen, disampelkan.

Sub strata utama meliputi pertubuhan kategori besar yang mempunyai hasil yang signifikan dalam industri liputan manakala bagi sub strata kedua hingga keempat dibentuk berdasarkan Kaedah *Cumulative Square Root Frequency*. Kaedah ini membentuk sempadan bagi setiap sub strata.

12.4 Saiz sampel

Statistik utama yang digunakan untuk penganggaran saiz sampel adalah jumlah hasil. Formula yang digunakan dalam penganggaran saiz sampel bagi strata adalah seperti berikut:

di mana;

n	=	Saiz sampel
N_i	=	Saiz populasi bagi strata i
S_i^2	=	Varian bagi strata i
V	=	Varian sasaran

$$V = RSE^2 \cdot \left(\frac{\hat{Y}_i}{Z} \right)^2$$

di mana;

$\hat{Y}_i$	=	Jumlah nilai hasil bagi strata i
RSE	=	Ralat piawai relatif
Z	=	Nilai aras keyakinan

Sampel akan diagihkan kepada sub strata dalam industri liputan dengan menggunakan kaedah *Neyman Allocation* seperti berikut:

$$n_{hi} = \left(\frac{N_h S_h}{\sum N_h S_h} \right) n_i$$

$$h = 2, 3 \text{ dan } 4$$

$$i = 1, 2, \dots, k$$

di mana;

n_{hi}	=	Saiz sampel bagi sub strata h dalam strata i
N_h	=	Saiz populasi bagi sub strata h
S_h	=	Sisihan piawai bagi sub strata h
n_i	=	Saiz sampel bagi strata i
h	=	Sub strata
i	=	Strata

Pertubuhan kategori besar diliputi sepenuhnya, manakala pertubuhan bagi sub strata kedua hingga keempat dipilih secara rawak mengikut kaedah pensampelan bersistematik.

12.5 Wajaran

Analisis berwajaran disediakan menggunakan wajaran bagi memastikan sampel yang dipilih dapat menggambarkan populasi penyiasatan. Wajaran yang diperlukan adalah wajaran di peringkat reka bentuk pensampelan dan wajaran tiada respons.

Wajaran reka bentuk pensampelan bagi pertubuhan pada strata adalah seperti berikut:

$$W_h = \frac{N_h}{n_h}$$

di mana,

N_h	=	Jumlah populasi sub strata h ; dan
n_h	=	Jumlah sampel sub strata h

Wajaran tiada respons pada sub strata h adalah seperti berikut :

$$NRW_h = \frac{1}{n'_h/n_h}$$

$$, \quad h = 1, \dots, 4$$

di mana;

$$n'_h = \text{Bilangan sampel respons bagi sub strata } h$$

$$n_h = \text{Bilangan sampel bagi sub strata } h$$

Kaedah pengiraan wajaran reka bentuk pensampelan selepas penyiasatan (*adjusted weight*) pada sub strata h seperti berikut:

$$W'_h = W_h \times NRW_h, \quad h = 1, \dots, 4$$

di mana;

$$W_h = \text{Wajaran reka bentuk pensampelan pada sub strata } h$$

$$NRW_h = \text{Wajaran tiada respons pada sub strata } h$$

13. Pembundaran

Penjumlahan komponen mungkin berbeza dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

TECHNICAL NOTES

1. INTRODUCTION

The data for this publication was collected through the Quarterly Survey of Services and Monthly Survey of Wholesale & Retail which comprise of the following sub-sectors:

- Wholesale & Retail Trade from the 2005;
- Information & Communication; Transportation & Storage; Food & Beverages and Accommodation from 2009;
- Private Education and Private Health from 2010;
- Professional from 2011; and
- Arts, Entertainment & Recreation and Real Estate Agent from 2012.

However, for this publication, the data presented commenced from 2012.

2. OBJECTIVES

This publication presents information on revenue / sales value, number of persons engaged and salaries & wages in Services sector. The main objectives of this survey are to:

- Provide short term indicators of Services sector;
- Provide input towards the compilation of Quarterly Index of Services;
- Provide information for the compilation of Quarterly Gross Domestic Product; and
- Assist the government and other organisation as well as business community in planning and decision making.

3. SCOPE AND COVERAGE

The surveys cover all registered establishments of the relevant regulatory bodies engaged in the Wholesale & Retail Trade; Information & Communication; Transportation & Storage; Food & Beverages; Professional; Private Health; Private Education; Accommodation; Arts, Entertainment & Recreation; and Real Estate Agent Services.

Meanwhile, Finance & Insurance Services; Administrative & Support Services; Management Consultancy Services & Market Research; Advertising; Scientific Research & Development and Technical Testing & Analysis; Other Professional and Other Services subsectors are not covered in this survey.

Short term indicator for e-commerce income is to measure the current performance of e-commerce in Malaysia on quarterly basis. The source of data is from DOSM's short-term surveys.

4. CONCEPTS AND DEFINITIONS

The classification of the industry is based on the Malaysia Standard Industrial Classification 2008 Ver. 1.0. The classification conforms to the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities, Revision 4, United Nations Statistics Division. Meanwhile, the concepts of wholesale and retail trade adopted in this publication is based on recommendation in the Manual of International Recommendations for Distributive Trade Statistics 2008 (IRDTs 2008) published by the United Nations Statistics Division. The definition of industries are as follows:

4.1 Wholesale & Retail Trade

4.1.1 Wholesale Trade

Refers to the resale (sale without transformation) of new and used goods to retailers; industrial, commercial, institutional or professional users; or to other wholesalers; or selling merchandise to, such persons or companies.

Wholesalers frequently physically assemble, sort and grade goods in large lots; break bulk, repack and bottle (except in air-tight containers) and redistribute in smaller lots; store, refrigerate, deliver and install goods as well as engage in sales promotion for customers and label design.

4.1.2 Retail Trade

Refers to the resale (sale without transformation) of new and used goods to the general public for personal or household consumption or utilisation.

4.1.3 Motor Vehicles

Refers to wholesale and retail sale of motor vehicles and motorcycles, either new or used, sale of motor vehicle parts and accessories, maintenance and repair of motor vehicles and motorcycles including washing, polishing as well as commission agents.

4.2 Information & Communication

Refers to publishing activities (including software publishing), motion picture, video and television programme production, sound recording and music publishing, radio and television broadcasting and programming activities, telecommunications, computer programming, consultancy and related activities and information service activities.

4.3 Transportation & Storage

Refers to provision of passengers or freight transport, whether scheduled or not, by rail, pipeline, road, water or air and associated activities such as terminal and parking facilities, cargo handling, storage and etc. Renting of transport equipment with driver or operator and postal and courier services are also included.

4.4 Food & Beverages

Refers to establishments that includes food and beverage serving activities providing complete meals or drinks fit for immediate consumption, whether in traditional restaurants, self-service or take-away restaurants, whether as permanent or temporary stands with or without seating. Determinant is the fact that meals fit for immediate consumption are offered, not the kind of facility providing them.

4.5 Professional

Refers to establishments specialised in professional activities which require expertise and training. The establishments in this sub-sector services to industries and household. The activities include advisory and legal representation; accounting, bookkeeping and auditing; architectural; engineering; surveying; and veterinary.

4.6 Private Health

Refers to establishments that provide private health services including private hospital and maternity home services, medical services (including general and specialised medical), dental services and other human health activities such as dialysis centres, medical laboratories, acupuncture services, herbalist and homeopathy services, physiotherapy & occupational therapy services, ambulance services and other alternative medical.

4.7 Private Education

Refers to establishments that provide private education services such as pre-primary education, secondary education and higher education. The main process of learning is in the classroom. Moreover, there is also a learning process outside the classroom such as through television, internet or sport centres involving for certain level.

4.8 Accommodation

Refers to the provision of short-term paid accommodation whether open to the public or restricted to members of a particular organisation. It includes hotels (including resorts), budget hotels / motels, service apartments, chalets and rest houses / guest houses / hostels / bed & breakfast.

4.9 Arts, Entertainment & Recreation

Refers to a variety of activities to meet public interest on cultural, entertainment and recreational activities, including live performances, operation of museum sites, gambling, sport and recreation .

4.10 Real Estate Agent

Refers to real estate agent services on a fee or contract basis. These services cover the activities of real estate agents and brokers, valuation and management of real estate activities, appraisal of real estate activities and other real estate activities on a fee or contract basis .

Definition of E-Commerce

Based on Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), 2015, **e-commerce transaction** is defined as sale or purchase of goods or services, through a network of computers that have been designed for this purpose. E-commerce transactions can occur between enterprises, households, individuals, governments and public or private organisation to another.

Goods or services that have been ordered through e-commerce methods, but the payment or receipt of goods or services can be received either through online or offline. E-commerce transaction, includes orders placed on websites, extranet or Electronic Data Interchange (EDI). However, the transactions made by telephone, fax, e-mail (mail that is typed manually) and the similar transactions are not categorised as e-commerce transactions.

5. REPORTING UNIT

The reporting unit is an **establishment**. An establishment is defined as "an economic unit that engaged in one activity, under a single legal entity and operating in a single physical location". Each establishment was assigned an industry classification based on its principal activity and not by its parent company.

6. REVENUE

Revenue refers to the amount received and receivable for services rendered and other transactions made during the reference quarter. It comprised both operating and non-operating revenue.

E-commerce income means the total income of establishments with e-commerce transactions.

Income for Wholesale and Retail Trade establishments refers to the value of sales of goods and services. Sales value means the value of all items for which ownership or effective right to use with a view to ultimate purchase, has been transferred to others; and value added is the increment to the value of commodities and services contributed by the establishment. This value is derived as the difference between the value of gross output and intermediate input.

7. SALES VALUE

This definition is an applicable to Wholesale and Retail Trade.

Sales value refer to:

- (a) the value of all **goods**, for which ownership or effective right to use with a view to ultimate purchase, has been transferred to others; and
- (b) the value of **services** rendered during the inquiry period, irrespective of time or method of payment.

The sales value in this survey refers to the **total sum paid** by the customers. It includes:

(a) sales price;

(b) financing, delivery and installation charges, if these services are rendered by the establishment enumerated.

8. NUMBER OF PERSONS ENGAGED

The total number of persons engaged includes all working proprietors and active business partners, unpaid family workers and employees who worked during the last pay period of the reference quarter. It also includes part-time workers in the payroll and persons on strike and short-term leave (sick leave, emergency leave or vacation). Not included are workers on indefinite leave as well as pensioners.

9. SALARIES & WAGES PAID

Salaries & wages paid refers to cash payments, including bonuses, commissions, overtime pay, cost of living allowances and other allowances made to all employees during the reference quarter. The employees' contributions to Employees' Provident Fund (EPF) and Social Security Organisation (SOCSO) are included, while the employer's contributions are **excluded**. Allowances to working proprietors, working partners and unpaid family workers are also **excluded**.

10. CONFIDENTIALITY REQUIREMENTS

The information is gathered under the provisions of the **Statistics Act 1965 (Revised 1989)**. Section 5 of this Act requires all establishments services operating in Malaysia to provide actual information or best estimates to the Department. The Act stipulates that the content of individual returns are **confidential** and only aggregated figures are published. Meanwhile, Section 7 under the same Act provides the penalty to the respondents that could not comply with the surveys undertaken.

11. REVISION POLICY

- For monthly data, subject to changes in data source, revision is $t-1$ where t refers to current month.
- For quarterly data, subject to changes in data source, revision is $t-1$ where t refers to current quarter.
- For annual data, subject to changes in data source, revision is $t-3$ where t refers to current year.

12. METHODOLOGY

12.1 Population

All establishments encompass of 324 industries (5 digits) based on Malaysia Standard Industrial Classification 2008 Ver 1.0.

12.2 Sampling frame

From the identified population, establishments that are still operating as at December 2017 were listed as sampling frame.

12.3 Sampling design

Sampling design of the survey is a one-stage stratified random sampling. Industries at national level have been classified as stratum and the establishment as the sampling unit.

Each stratum (industry) has been set up into four sub stratum to ensure the sample is distributed taking into account the economy characteristics of the industry. The main sub stratum is heterogeneous, was fully covered while other sub stratum that is homogeneous were sampled.

Main sub stratum comprise large establishments that have significant total revenue in the industry while for the second to fourth sub stratum were formed based on Cumulative Frequency Square Root Method. This method forms the boundaries, for each sub stratum.

12.4 Sample size

The main statistics used to estimate the sample size is the total revenue. The formula used in the estimation of the sample size for a stratum is as follows:

$$n = \frac{(\sum N_i S_i)^2}{V + \sum N_i S_i^2}$$

where;

n	=	Sample size
N_i	=	Population size for stratum i
S_i^2	=	Variance for stratum i
V	=	Desired variance

$$V = RSE^2 \cdot \left(\frac{\hat{Y}_i}{Z} \right)^2$$

where;

$\hat{Y}_i$	=	Estimated total revenue for stratum i
RSE	=	Relative standard error
Z	=	Value of confidence level

Sample is distributed to sub stratum of the industry using Neyman Allocation Method as follows:

$$n_{hi} = \left(\frac{N_h S_h}{\sum N_h S_h} \right) n_i$$

$$h = 2, 3 \text{ and } 4$$

$$i = 1, 2, \dots, k$$

where;

$$n_{hi} = \text{Sample size for substratum } h \text{ of stratum } i$$

$$N_h = \text{Population size for substratum } h$$

$$S_h = \text{Standard deviation for substratum } h$$

$$n_j = \text{Sample size for stratum } i$$

$$h = \text{Substratum}$$

$$j = \text{Stratum}$$

Establishments of the large categories were fully covered while establishments of the second to fourth sub stratum were randomly selected using systematic random sampling.

12.5 Weight

Weighted analysis is carried out using sampling weight to ensure that the selected sample reflect population survey. The weights required are the sampling design weight and non-response weight.

The sampling design weight for the establishment at stratum h is as follows:

$$W_h = \frac{N_h}{n_h}$$

where,

$$N_h = \text{Total population of sub stratum } h; \text{ and}$$

$$n_h = \text{Total sample of sub stratum } h$$

Weight for non response at sub stratum h as below:

$$NRW_h = \frac{1}{n'_h / n_h}, \quad h = 1, \dots, 4$$

where;

n'_h = Number of response sampel for substratum h; and

n_h = Number of sampel for substratum h

The method of calculating the sampling design weight after the survey (adjusted weight) on sub stratum h as below:

$$W'_h = W_h \times NRW_h, \quad h = 1, \dots, 4$$

where,

W_h = Sampling design weight at substratum h

NRW_h = Non response weight at substratum h

13. Rounding

The sum of component figures may not tally with the sub total or total figures due to rounding.

Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 Ver. 1.0 /
Malaysia Standard Industrial Classification 2008 Ver.1.0

Perdagangan Borong <i>Wholesale Trade</i>			
BAHAGIAN <i>DIVISION</i>	KUMPULAN <i>GROUP</i>	PERKARA <i>ITEM</i>	KETERANGAN <i>DESCRIPTION</i>
46	461		Jual borong berdasarkan kontrak atau yuran <i>Wholesale on a fee or contract basis</i>
		46100	Jualan borong berdasarkan kontrak atau yuran <i>Wholesale on a fee or contract basis</i>
	462		Jual borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup <i>Wholesale of agricultural raw materials and live animals</i>
		46201	Jualan borong getah <i>Wholesale of rubber</i>
		46202	Jualan borong minyak kelapa sawit <i>Wholesale of palm oil</i>
		46203	Jualan borong kayu balak dan kayu kayan <i>Wholesale of lumber and timber</i>
		46204	Jualan borong bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan <i>Wholesale of flowers and plants</i>
		46205	Jualan borong ternakan <i>Wholesale of livestock</i>
		46209	Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup t.t.t.l <i>Wholesale of agricultural raw material and live animals n.e.c</i>
	463		Jual borong makanan, minuman dan tembakau <i>Wholesale of food, beverages and tobacco</i>
		46311	Jualan borong daging, unggas dan telur <i>Wholesale of meat, poultry and eggs</i>
		46312	Jualan borong ikan dan lain-lain makanan laut <i>Wholesale of fish and other seafood</i>
		46313	Jualan borong buah-buahan <i>Wholesale of fruits</i>
		46314	Jualan borong sayur-sayuran <i>Wholesale of vegetables</i>
		46319	Jualan borong daging, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran t.t.t.l <i>Wholesale of meat, fish, fruits and vegetables n.e.c</i>
		46321	Jualan borong beras, bijirin lain, tepung dan gula <i>Wholesale of rice, other grains, flour and sugars</i>
		46322	Jualan borong hasil tenusu <i>Wholesale of dairy products</i>
		46323	Jualan borong konfeksi <i>Wholesale of confectionary</i>
		46324	Jualan borong biskut, kek, roti dan produk bakeri lain <i>Wholesale of biscuits, cakes, breads and other bakery products</i>
		46325	Jualan borong kopi, teh dan minuman lain <i>Wholesale of coffee, tea, cocoa and other beverages</i>

Perdagangan Borong Wholesale Trade			
BAHAGIAN DIVISION	KUMPULAN GROUP	PERKARA ITEM	KETERANGAN DESCRIPTION
		46326	Jualan borong bir, wain dan spirit Wholesale of beer, wine and spirits
		46327	Jualan borong tembakau, cerut, rokok Wholesale of tobacco, cigar, cigarettes
		46329	Jualan borong bahan makanan lain Wholesale of other foodstuffs
	464		Jual borong barangan isi rumah Wholesale of household goods
		46413	Jualan borong pakaian Wholesale of clothing
		46415	Jualan borong pakaian daripada bulu binatang Wholesale of fur articles
		46416	Jualan borong kasut Wholesale of footwear
		46419	Jualan borong tekstil, pakaian, t.t.t.l Wholesale of textiles, clothing n.e.c
		46421	Jualan borong barangan farmaseutikal dan perubatan Wholesale of pharmaceutical and medical goods
		46422	Jualan borong pewangi, kosmetik, sabun dan kelengkapan dandanan diri Wholesale of perfumeries, cosmetics, soap and toiletries
		46432	Jualan borong barangan fotografi dan optic Wholesale of photographic and optical goods
		46433	Jualan borong barangan kulit dan aksesori kembara Wholesale of leather goods and travel accessories
		46434	Jualan borong peralatan muzik, permainan dan barang mainan, barangan sukan Wholesale of musical instruments, games and toys, sports goods
		46443	Jualan borong jam tangan dan jam dinding Wholesale of watches and clocks
		46444	Jualan borong barang kemas Wholesale of jewellery
		46491	Jualan borong perabot isi rumah Wholesale of household furniture
		46492	Jualan borong perkakas isi rumah Wholesale of household appliances
		46493	Jualan borong peralatan lampu Wholesale of lighting equipment
		46494	Jualan borong perkakas dapur dan kutleri, pinggan mangkuk, barangan kaca dan barangan tembikar Wholesale of household utensils and cutlery, crockery, glassware, chinaware and pottery
		46495	Jualan borong barangan kayu, anyaman rotan dan barangan gabus Wholesale of woodenware, wickerwork and corkware

Perdagangan Borong Wholesale Trade			
BAHAGIAN DIVISION	KUMPULAN GROUP	PERKARA ITEM	KETERANGAN DESCRIPTION
		46496	Jualan borong barangan elektrik dan elektronik Wholesale of electrical and electronic goods
		46497	Jualan borong alat tulis, buku, majalah dan surat khabar Wholesale of stationery, books, magazines and newspaper
		46499	Jualan borong lain-lain barangan isi rumah t.t.t.l Wholesale of other household goods n.e.c
	465		Jual borong jentera, peralatan dan bekalan Wholesale of machinery, equipment and supplies
		46510	Jualan borong perkakasan komputer, perisian dan peranti Wholesale of computer hardware, software and peripherals
		46521	Jualan borong kelengkapan telefon dan telekomunikasi, telefon selular, alat kelui Wholesale of telephone and telecommunications equipment, cell phones, pagers
		46522	Jualan borong komponen elektronik dan aksesori pendawaian Wholesale of electronic components and wiring accessories
		46531	Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan pertanian Wholesale of agricultural machinery, equipment and supplies
		46532	Jualan borong jentera pemotong rumput sebarang cara operasi Wholesale of lawn movers however operated
		46591	Jualan borong mesin pejabat dan kelengkapan perniagaan, kecuali computer dan kelengkapan peranti komputer (peripheral) Wholesale of office machinery and business equipment, except computers and computer peripheral equipment
		46592	Jualan borong perabot pejabat Wholesale of office furniture
		46593	Jualan borong peralatan mesin berkawalan computer Wholesale of computer-controlled machines tools
		46594	Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan perindustrian Wholesale of industrial machinery, equipment and supplies
		46595	Jualan borong jentera dan kelengkapan pembinaan dan kejuruteraan awam Wholesale of construction and civil engineering machinery and equipment
		46596	Jualan borong lif, eskalator, penghawa dingin, kelengkapan keselamatan dan pemadam api Wholesale of lift escalators, air-conditioning, security and fire fighting equipment
		46599	Jualan borong lain-lain jentera untuk kegunaan industri, perdagangan dan pengemudian dan lain-lain perkhidmatan t.t.t.l Wholesale of other machinery for use in industry, trade and navigation and other services n.e.c
	466		Lain-lain pengkhususan jualan borong Other specialised wholesale
		46611	Jualan borong petrol, diesel, pelincir Wholesale of petrol, diesel, lubricants

Perdagangan Borong Wholesale Trade			
BAHAGIAN DIVISION	KUMPULAN GROUP	PERKARA ITEM	KETERANGAN DESCRIPTION
		46612	Jualan borong gas petroleum cecair Wholesale of liquefied petroleum gas
		46619	Jualan borong bahan api pepejal, cecair dan gas dan produk berkaitan t.t.t.l Wholesale of other solid, liquid and gaseous fuels and related products n.e.c
		46621	Jualan borong bijih besi dan bukan besi dan logam Wholesale of ferrous and non-ferrous metal ores and metals
		46622	Jualan borong bijih besi dan bukan besi dan logam separuh siap dan produk t.t.t.l Wholesale of ferrous and non-ferrous semi-finished metal ores and products n.e.c
		46631	Jualan borong kayu balak, kayu bergergaji, papan lapis, venier dan produk berkaitan Wholesale of logs, sawn timber, plywood, veneer and related products
		46632	Jualan borong cat dan varnish Wholesale of paints and varnish
		46633	Jualan borong bahan pembinaan Wholesale of construction materials
		46634	Jualan borong kelengkapan dan lekapan Wholesale of fittings and fixtures
		46636	Jualan borong pemasangan dan peralatan kebersihan Wholesale of sanitary installation and equipment
		46639	Jualan borong dan bekalan lain-lain bahan binaan, hardwer, peralatan paip dan alat pemanas t.t.t.l Wholesale of other construction materials, hardware, plumbing and heating equipment and supplies n.e.c
		46691	Jualan borong bahan kimia industry Wholesale of industrial chemicals
		46692	Jualan borong baja dan produk agrokimia Wholesale of fertilizers and agrochemical products
		46693	Jualan borong bahan plastik dalam bentuk asal Wholesale of plastic materials in primary forms
		46694	Jualan borong sekerap getah Wholesale of rubber scrap
		46696	Jual borong kertas secara pukal, bahan pembungkusan Wholesale of paper in bulk, packaging materials
		46698	Jual borong bahan buangan dan sekerap dan bahan lain sama adda logam dan bukan logam untuk kitar semula Wholesale of metal and non-metal waste and scrap and materials for recycling
	469		Perdagangan borong tanpa pengkhususan Non-specialised wholesale trade
		46901	Jualan borong ikan akuarium, burung dan haiwan peliharaan Wholesale of aquarium fishes, pet birds and animals
		46902	Jualan borong makanan haiwan/haiwan peliharaan Wholesale of animal/pet food

Perdagangan Borong Wholesale Trade			
BAHAGIAN DIVISION	KUMPULAN GROUP	PERKARA ITEM	KETERANGAN DESCRIPTION
		46909	Jualan borong pelbagai jenis barang tanpa pengkhususan tertentu t.t.t.l Wholesale of variety of goods without any particular specialisation n.e.c

Perdagangan Runcit Retail Trade			
BAHAGIAN DIVISION	KUMPULAN GROUP	PERKARA ITEM	KETERANGAN DESCRIPTION
47	471		Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan <i>Retail sale in non-specialised stores</i>
		47111	Kedai runcit <i>Provision stores</i>
		47112	Pasar raya <i>Supermarket</i>
		47113	Pasar mini <i>Mini market</i>
		47114	Kedai 'convenience' <i>Convenience stores</i>
		47191	Gedung serbaneka <i>Department stores</i>
		47192	Gedung serbaneka dan pasar raya <i>Department stores and supermarket</i>
		47193	Pasar raya besar (Hypermarket) <i>Hypermarket</i>
		47194	Agen surat khabar dan kedai pelbagai barangan <i>News agent and miscellaneous goods store</i>
		47199	Jualan runcit lain di kedai tanpa pengkhususan t.t.t.l <i>Other retail sale in non-specialised stores n.e.c</i>
	472		Jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di kedai pengkhususan <i>Retail sale of food, beverages and tobacco in specialised stores</i>
		47211	Jualan runcit beras, tepung, bijirin lain dan gula <i>Retail sale of rice, flour, other grains and sugars</i>
		47212	Jualan runcit sayur-sayuran dan buah-buahan segar atau diawet <i>Retail sale of fresh or preserved vegetables and fruits</i>
